

MySMS



Mobile Applications

SMS soalan anda ke **TANYA PAKAR!**

contoh mesej pertanyaan:



TAIP:
MOH TP(emel anda)(soalan)

SMS KE **15888**

Soalan akan dijawab melalui emel dalam tempoh 3 hari bekerja

- www.facebook.com/myhealthkkm
- www.twitter.com/myhealthkkm
- www.youtube.com/myhealthkkm



Diterbitkan oleh:

Bahagian Pendidikan Kesihatan, Kementerian Kesihatan Malaysia dan Kementerian Kemajuan Luar Bandar & Wilayah (KKLW)

KKM/BM/200,000/Jun 2012



Dapatkan maklumat kesihatan yang **TEPAT, TERKINI** dan **BERKUALITI**





Portal MyHEALTH

Portal MyHEALTH merupakan salah satu komponen projek ICT Kementerian Kesihatan Malaysia yang dibangunkan di bawah projek Aplikasi Perdana MSC Malaysia.

- 1 Menyediakan maklumat kesihatan untuk rakyat melalui Internet.
- 2 Merupakan sumber maklumat kesihatan yang komprehensif, boleh dipercayai, tepat dan terkini merangkumi aspek pencegahan, rawatan dan pemulihan yang dibangunkan oleh pakar tempatan.

Objektif

- 1 Memperkasa rakyat supaya mengambil tanggungjawab terhadap kesihatan mereka.
- 2 Melengkapkan rakyat dengan pengetahuan, kefahaman dan kemahiran bagi membolehkan mereka membuat keputusan demi kesihatan.
- 3 Menggalakkan penyertaan dan penglibatan rakyat dalam penjagaan kesihatan mereka.
- 4 Mendorong rakyat supaya menilai risiko kesihatan diri sendiri.



Perkhidmatan

- 1 **Info Kesihatan** - Menyediakan maklumat kesihatan berdasarkan 8 kategori: Bayi dan Kanak-Kanak, Remaja, Dewasa, Warga Emas, Pemakanan, Ubat dan Anda, Kesihatan Pergigian dan Kesihatan Mental.
- 2 **Penilaian Risiko Kesihatan** - Membolehkan rakyat menilai risiko terhadap kesihatan diri sendiri dan memperoleh panduan untuk menanganinya.
- 3 **Tanya Pakar** - Memberi peluang kepada rakyat mengajukan soalan berkaitan kesihatan melalui emel dan sms kepada pakar dari pelbagai bidang kepakaran.
- 4 **Direktori Kesihatan** - Membantu rakyat mendapatkan maklumat tentang fasiliti penjagaan kesihatan di sektor kerajaan, badan bukan kerajaan dan swasta.
- 5 **Media Sosial** - Membuat habahan tentang portal MyHEALTH melalui Facebook, Twitter dan YouTube.
- 6 **MyHEALTH Mobile** - Membolehkan rakyat mengakses portal MyHEALTH melalui peranti mudah alih.
- 7 **Mobile Applications** - Membolehkan rakyat mengakses penilaian risiko kesihatan dan soalan lazim melalui telefon pintar dan peranti tablet.



- 8 **Aktiviti Kesihatan** - Memaparkan aktiviti berkaitan kesihatan di peringkat komuniti untuk disertai oleh rakyat.
- 9 **Amaran Kesihatan** - Memaklumkan kepada rakyat tentang kejadian wabak dan tindakan yang perlu diambil untuk menanganinya.
- 10 **Pernmainan Kesihatan** - Menyediakan permainan berkaitan kesihatan secara interaktif untuk tujuan pembelajaran.
- 11 **Berita/Artikel** - Memaparkan berita dan artikel berkaitan kesihatan semasa.
- 12 **Kuiz Kesihatan** - Menyediakan peluang untuk rakyat menguji minda tentang kesihatan.
- 13 **Soalan Lazim** - Memaparkan soalan-soalan berkaitan kesihatan yang sering diperkatakan beserta jawapan yang disediakan oleh pakar.
- 14 **Undian** - Memberi peluang kepada rakyat menyertai undian tentang isu-isu kesihatan terpilih.